

07 DEC 1997

Chua-Kelamin (Bergambar)

UJIAN PENYAKIT KELAMIN DI KLINIK, HOSPITAL KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Mulai tahun depan, ujian bagi semua jenis penyakit kelamin (STD) termasuk bagi virus HIV boleh dijalankan di klinik pesakit luar hospital kerajaan dan klinik kesihatan di seluruh negara.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata, pendekatan baru itu adalah bagi menggalakkan mereka yang mengesyaki diri mereka menghidap penyakit itu menjalani ujian di klinik biasa dan bukan lagi di klinik khas penyakit kelamin.

"Kita melancarkan program ini kerana dulu orang yang menghidap STD seperti gonorea, chancroid dan siflis pergi ke kilinik STD tapi daripada maklumbalas didapati ramai segan ke klinik khas itu kerana bimbang mereka nanti dikatakan mengidap penyakit itu dan ia memalukan mereka," katanya.

Chua berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan program jalan kaki Langkah Harapan ((Walk of Hope) Karnival Riben Merah 97 dari Dataran Merdeka ke Stadium Merdeka di sini. Ia diadakan sempena Hari Aids Sedunia.

Beliau berkata ujian penyakit STD termasuk HIV itu telah dijalankan di beberapa klinik pesakit luar hospital kerajaan tetapi ia akan diperluaskan termasuk ke kawasan luar bandar.

Mereka yang disyaki menghidap penyakit itu akan menjalani ujian bersama pesakit bagi penyakit lain dan ini dapat mengelakkan mereka dipandang serong oleh orang ramai, katanya.

Beliau meminta mereka yang mendedahkan diri kepada aktiviti berisiko tinggi seperti penagihan dadah dengan berkongsi jarum suntikan supaya menjalani ujian darah dan sekiranya menghidap STD mereka boleh dibantu.

Menurut beliau, walaupun kini masih belum ada penawar kepada penyakit HIV, usia mereka dengan HIV boleh dilanjutkan dengan syarat mangsa tahu dia menghidapinya dan mengawal agar tidak menyebarkannya kepada orang lain.

Pesakit luar bandar yang khuatir dan malu untuk menjalani ujian di kawasannya kerana bimbang rahsianya diketahui, boleh mendapat pemeriksaan di hospital tempat lain.

Ujian menentukan penyakit itu penting kerana seseorang yang berpenyakit STD mempunyai risiko dua hingga sembilan kali lebih tinggi untuk mendapat jangkitan HIV/Aids, katanya.

Sebanyak 3,685 kes penyakit kelamin telah dikesan pada tahun 1996.

Mengenai program ujian darah HIV bagi ibu mengandung yang dilancarkan baru-baru ini, Chua berkata projek perintis yang dijalankan di Perlis, Kelantan dan Johor mendapat sambutan dengan 78 peratus daripada ibu yang menjalani pemeriksaan di klinik berkenaan rela menjalaninya.

Bagaimanapun, Kementerian tidak bercadang mewajibkan ujian darah bagi HIV terhadap ibu-ibu mengandung.

Semenjak 1986 sehingga Sept 97, jumlah kumulatif jangkitan HIV yang dilaporkan kepada Kementerian adalah sebanyak 22,899 orang dan daripada jumlah itu 1,236 adalah kes Aids.

Semasa ditanya mengenai dakwaan terdapat ubat tradisional yang dapat merawat Aids, Chua berkata ia mungkin ada tetapi hanya untuk memperkuat imunisasi sahaja.

Seramai 1,000 peserta termasuk Pengerusi Yayasan Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir menyertai program itu yang akan diikuti dengan konsert Riben Merah dengan menampilkan beberapa penyanyi terkenal pada sebelah malam. -- BERNAMA

NHD PR